

**NO SOALAN :15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT  
(SRI AMAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.06.2015**

**Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT [ SRI AMAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah prestasi perlaksanaan GST secara keseluruhan selepas sebulan ianya dilaksanakan pada April 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan GST secara umumnya berjalan lancar. Tahap persediaan di kalangan syarikat besar adalah lebih tinggi dan mereka secara umumnya telah bersedia lebih awal

untuk menghadapi pelaksanaan GST berbanding syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Ini terutamanya kerana sebahagian daripada syarikat-syarikat kecil dan sederhana ini mengambil sikap tunggu dan lihat dan hanya berdaftar di bulan terakhir pendaftaran mandatori iaitu Disember 2015. Kerajaan sedar tentang situasi ini dan telah melipatgandakan usaha untuk memberi kefahaman tentang pelaksanaan GST kepada golongan Sasaran melalui program penerangan GST dan program *Hand Holding* yang dijalankan mengikut sektor-sektor industri secara lebih mendalam. Melalui usaha-usaha yang telah dijalankan, didapati tahap pematuhan GST oleh kebanyakan SME dan syarikat kecil telah meningkat setelah lebih sebulan GST dilaksanakan.

Bagi memastikan tahap pematuhan ini meningkat, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program kesedaran dan latihan GST kepada semua lapisan masyarakat termasuk peniaga bagi meningkatkan kefahaman yang tepat mengenai GST. Kerajaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga akan terus melaksanakan program *Hand Holding* kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 468 program *Hand Holding* telah

diadakan dengan penyertaan lebih daripada 50,000 orang dari pelbagai sektor perniagaan.

Selain itu, JKDM juga telah menubuhkan *GST Helpdesk* di seluruh negara bagi membantu dan membimbing peniaga dalam menguruskan sistem GST. JKDM turut memuat naik video panduan membuat pembayaran GST dan panduan mengemukakan penyata GST di portal *gst.customs.gov.my* bagi memudahkan peniaga membuat tuntutan atau pembayaran GST.

Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan supaya rakyat dapat memahami dengan tepat mengenai tujuan dan matlamat pelaksanaan GST. Kempen-kempen mengenai GST kepada orang awam telah dilaksanakan melalui media cetak (majalah, surat khabar, handbook), elektronik (televisyen, radio), out-of-home (banner) serta secara online (media sosial, portal). Bagi terus mempromosikan kempen GST, video berbentuk kapsul diedarkan kepada agensi Kerajaan bagi membuat pendedahan secara berterusan. Program seperti Siri Jelajah Kempen GST turut dijalankan di seluruh negara (Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak) supaya orang awam dapat memperolehi maklumat GST secara telus dan tepat. Menerusi program tersebut,

maklumbalas daripada orang awam turut dikumpul dan majoriti mengakui bahawa kesedaran mengenai GST sudah meningkat berbanding dahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat, aduan dan pertanyaan kepada JKDM dan KPDNKK telah berkurang pada bulan Mei berbanding bulan April. Bagi tempoh 1 hingga 10 Mei 2015, KPDNKK telah mencatatkan sebanyak 285 aduan sahaja manakala tempoh yang sama pada bulan April adalah 3,577 aduan. Penurunan ini adalah kerana pemahaman pengguna dan peniaga telah meningkat dan Kerajaan menjangkakan bahawa *trend* ini akan berterusan apabila peniaga dan orang ramai lebih memahami GST dan pelaksanaannya.